



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Rujukan Kami : KPM.100-1/3/2 (30)
Tarikh : 7 November 2019

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2019**

**PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)
MATA PELAJARAN VOKASIONAL (MPV) SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT
BERMULA DI TINGKATAN 4 PADA TAHUN 2020 DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN (SMK) YANG MENAWARKAN MPV**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan KSSM MPV secara berperingkat-peringkat bermula di Tingkatan 4 pada tahun 2020 di SMK yang menawarkan MPV.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Bil. 1/2018 bertarikh 1 Jun 2018 telah meluluskan pelaksanaan KSSM MPV di SMK secara berperingkat-peringkat di Tingkatan 4 mulai tahun 2020.

...3. Mata pelajaran dan peruntukan masa minimum jam setahun di sekolah yang melaksanakan KSSM MPV adalah seperti dalam **Lampiran 1** manakala senarai KSSM MPV adalah seperti dalam **Lampiran 2**.

4. Pelaksanaan KSSM MPV adalah seperti berikut:

4.1 Menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM MPV bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. DSKP boleh dimuat turun dari

laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum
(<http://bpk.moe.gov.my/>).

- 4.2 Mata pelajaran KSSM MPV perlu diajar oleh guru opsyen.
 - 4.3 Menggunakan modul KSSM MPV yang disediakan sehingga buku teks diterbitkan. Modul KSSM MPV boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (<http://bpk.moe.gov.my/>) mulai 16 Disember 2019.
 - 4.4 Menggunakan templat perekodan dan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mengikut mata pelajaran. Templat perekodan dan pelaporan boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (<http://bpk.moe.gov.my/>) mulai 20 Disember 2019.
 - 4.5 Menggunakan Geran Per Kapita (PCG) bagi MPV mengikut surat pekeliling kewangan yang sedang berkuat kuasa.
5. Surat siaran ini berkuat kuasa mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2020.
6. YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pengetua di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



Dr. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Pengarah-Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
 12. Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia

Mata Pelajaran dan Peruntukan Masa Minimum Jam Setahun KSSM MPV

KSSM (MENENGAH ATAS)		
BIL.	MATA PELAJARAN TERAS	MINIMUM JAM SETAHUN
1.	Bahasa Melayu	128
2.	Bahasa Inggeris	112
3.	Matematik	112
4.	Sains	112
5.	Sejarah	64
6.	Pendidikan Islam	96
	Pendidikan Moral	64
MATA PELAJARAN WAJIB		
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	64
MATA PELAJARAN ELEKTIF		
8.	Mata Pelajaran Vokasional (Pilih salah satu daripada 22 MPV yang ditawarkan)	256
	Perhimpunan	16

Sumber rujukan: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9 Tahun 2016

Lampiran 2

Senarai Mata Pelajaran KSSM MPV Mulai Tahun 2020

Bil.	KSSM MPV	KBSM MPV
1	Pembinaan Domestik	Pembinaan Domestik
2	Pembuatan Perabot*	Membuat Perabot
3	Produksi Reka Tanda*	Seni Reka Tanda
4	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	Menservis Peralatan Elektrik Domestik
5	Rekaan dan Jahitan Pakaian	Rekaan dan Jahitan Pakaian
6	Katering dan Penyajian	Katering dan Penyajian
7	Landskap dan Nurseri	Landskap dan Nurseri
8	Tanaman Makanan	Tanaman Makanan
9	Reka Bentuk Grafik Digital*	Grafik Berkomputer
10	Produksi Multimedia	Produksi Multimedia
11	Pemprosesan Makanan	Pemprosesan Makanan
12	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi
13	Pendawaian Domestik	Pendawaian Domestik
14	Menservis Automobil	Menservis Automobil
15	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara
16	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut*	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut
17	Hiasan Dalaman*	Hiasan Dalaman Asas
18	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
19	Kerja Paip Domestik	Kerja Paip Domestik
20	Kimpalan Arka dan Gas	Kimpalan Arka dan Gas
21	Menservis Motosikal	Menservis Motosikal
22	Gerontologi Asas dan Geriatrik	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik

*Mata pelajaran yang telah dijenamakan semula